

CARA MUDAH MENYIMPAN WANG

Oleh: Muhammad Hafizhullah bin Hashamudin, 1171838,

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 27 July 2020



Kita sering mendengar pepatah mengenai kepentingan menyimpan iaitu ‘simpan sedikit-sikit, lama-lama menjadi bukit’. Namun, budaya menyimpan semakin kurang popular dalam kalangan rakyat Malaysia.

Bagi kebanyakan orang, mereka akan mula menyimpan apabila mempunyai baki atau lebih wang atau dengan kata lain, belanja dahulu kemudian menyimpan. Walau bagaimanapun, berapa ramai antara kita yang mempunyai lebih wang pada akhir bulan?

Ini dapat diperkukuhkan dengan dapatan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Sudut Permintaan 2018 oleh Bank Negara Malaysia.

Empat perkara yang membimbangkan tentang rakyat Malaysia adalah tahap pengetahuan kewangan, simpanan dan belanjawan, kesediaan menghadapi peristiwa yang tidak dijangka dalam kehidupan dan perancangan untuk persaraan.

Antara dapatan yang menarik untuk dikongsi dan dihayati secara bersama adalah rakyat Malaysia umumnya memiliki tahap keyakinan yang rendah terhadap pengetahuan kewangan mereka sendiri.

Lantaran itu, satu daripada lima orang dewasa Malaysia yang bekerja tidak membuat simpanan dalam tempoh enam bulan sebelumnya.

Manakala 84 peratus rakyat pula menyatakan bahawa mereka mempunyai simpanan untuk jangka masa terdekat dengan simpanan tersebut dikeluarkan pada akhir bulan untuk menampung perbelanjaan seharian.

Selain itu, kira-kira 52 peratus rakyat Malaysia berasa sukar untuk menyediakan wang sebanyak RM1,000 sekiranya berlaku kecemasan.

Hanya 24 peratus rakyat dapat menampung perbelanjaan sara hidup untuk sekurang-kurangnya tiga bulan atau lebih, sekiranya kehilangan sumber pendapatan utama mereka.

Manakala, 10 peratus sahaja yang menyatakan mereka boleh bertahan untuk lebih daripada enam bulan.

Terdapat tiga kaedah yang boleh membantu kita menyimpam untuk kegunaan masa hadapan dan kecemasan.

Kadah pertama, asingkan gaji terlebih dahulu untuk simpanan kemudian baru lakukan yang untuk perbelanjaan. Simpanan di sini boleh dikhususkan kepada simpanan, perlindungan dan pelaburan.

Duit yang diperuntukkan untuk perbelanjaan pula, gunakan dengan cermat agar tidak berlebihan. Jika duit perbelanjaan ada lebihan, boleh ditambah ke dalam tabungan supaya jumlah simpanan bertambah dengan lebih cepat.

Seterusnya, kaedah yang kedua, simpan duit anda di tempat yang susah untuk anda keluarkan seperti dalam akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB), Tabung Haji atau emas.

Pakar-pakar pelaburan emas menasihatkan agar anda keluarkan sedikit simpanan wang kertas dan mula membeli jongkong emas untuk simpanan masa depan yang lebih menguntungkan.

Akhir sekali, kaedah warna duit yang menyarankan seseorang individu untuk membuat simpanan berdasarkan warna wang kertas.

Anda boleh mengasingkan wang yang diterima atau membuat simpanan berdasarkan wang kertas iaitu biru (RM1), hijau (RM5), merah (RM10), oren (RM20), biru laut (RM50) dan ungu (RM100).

Wang boleh diasingkan mengikut warna-warna tersebut dan sekiranya salah satu warna itu menjadi warna kegemaran anda maka ia lebih mudah memotivasikan anda untuk menyimpan.

Besar atau kecil gaji seseorang itu bukan faktor atau alasan untuk tidak membuat simpanan.

Apa yang penting, tabiat menyimpan itu harus konsisten dari mula bekerja hingga bersara.

